

LAPORAN JAWATANKUASA TERTINGGI PUSAT (CEC) 2026

KEDUDUKAN PARTI

Parti telah menyaksikan pertumbuhan pesat. Dari segi keahlian, parti kini mempunyai 198827 ahli, dan sebanyak 768 keahlian masih dalam proses kelulusan.

Daripada segi cawangan, parti kini mempunyai 2236 cawangan.

Jawatankuasa Tertinggi Pusat (CEC) telah memutuskan untuk mengenakan suatu *moratorium* ke atas penubuhan cawangan-cawangan baharu sehingga selepas Pilihan Raya Umum ke-16.

Pada masa ini, DAP mempunyai 40 orang Ahli Parlimen (MP) , 81 orang Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) dan 7 Senator Dewan Negara.

PERISTIWA POLITIK

Pilihan Raya Negeri Sabah 2025

Dewan Undangan Negeri Sabah telah dibubarkan pada 6 Oktober 2025 bagi memberi laluan kepada Pilihan Raya Negeri Sabah ke-17. DAP telah bertanding di 8 buah kerusi. Hari pengundian telah berlangsung pada 29 November 2025.

Malangnya, DAP telah gagal memenangi sebarang kerusi di PRN tersebut.

Pilihan Raya Negeri Johor 2026

Dewan Undangan Negeri Johor telah dibubarkan pada 1 Jun 2026 bagi memberi laluan kepada Pilihan Raya Negeri Johor ke-16. DAP telah bertanding di 17 kerusi Dewan Undangan Negeri Johor. Hari pengundian adalah pada 11 Julai 2026.

DAP telah memenangi 6 kerusi di Dewan Undangan Negeri Johor.

Pilihan Raya Negeri Sembilan 2026

Dewan Undangan Negeri Sembilan telah dibubarkan secara rasmi pada 5 Jun 2026 dan hari pengundian adalah pada 1 Ogos 2026. DAP telah bertanding 11 kerusi dan memenangi 9 kerusi.

KEDUDUKAN DAP DALAM KERAJAAN MADANI

Pada bulan Disember 2025 dan dalam mesyuarat tergempar CEC selepas PRN Sabah, CEC telah memutuskan bahawa untuk mempercepatkan agenda reformasi dalam tempoh 6 bulan yang mendatang. CEC juga telah memutuskan bahawa sekiranya dalam tempoh ini reformasi tidak dilaksanakan, DAP akan menilai semula kedudukan dalam Kerajaan Madani. Suatu usul akan dibentangkan dalam persidangan parti untuk menentukan sama ada parti akan tarik diri daripada Kerajaan Persekutuan yang akan ditentukan oleh para perwakilan.

Persidangan parti pada awalnya ditetapkan pada 12 Julai 2026, namun ia ditunda ke 16 Ogos 2026 untuk memberi fokus kepada PRN Johor dan Negeri Sembilan.

REFORMASI INSTITUSI YANG BERTERUSAN

Kerajaan Madani telah membawa pelbagai reformasi institusi dengan adanya DAP dalam Jemaah Menteri. Antara reformasi institusi yang telah dilaksanakan termasuklah membentangkan RUU Pindaan Perlembagaan untuk menegakkan tempoh jawatan Perdana Menteri, RUU Pindaan Perlembagaan untuk mengasingkan Pendakwa Raya dan Peguam Negara dan RUU Kebebasan Maklumat.

RUU Perlembagaan (Pindaan) 2026 yang bertujuan untuk menegakkan tempoh jawatan Perdana Menteri kepada 10 tahun telah dibentangkan dan diundi, namun tidak mendapat sokongan yang mencukupi di Parlimen. Namun demikian, RUU ini telah dibentangkan semula.

RUU Perlembagaan (Pindaan) 2026 (No 2) yang bertujuan untuk memisahkan peranan serta kuasa antara Peguam Negara dan Pendakwa Raya telah dibentangkan pada Februari 2026. Ia kemudian telah dirujuk ke Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen, yang dianggotai oleh Ahli Parlimen termasuk 2 wakil parti. Jawatankuasa ini telah menyediakan penyata dan membuat pindaan ke atas RUU tersebut. Buat masa ini, RUU ini masih belum dibacakan untuk kali kedua.

RUU Kebebasan Maklumat telah dibacakan untuk kali pertama pada Julai 2026 dan kemudian dirujuk kepada Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen yang terdiri daripada Ahli Parlimen termasuk 2 wakil parti. Jawatankuasa ini diberi masa 3 bulan bermula Ogos 2026 untuk meneliti dan mencadangkan penambahbaikan ke atas RUU tersebut.

Parti akan terus memperjuangkan pelbagai penambahbaikan dan reformasi dalam sistem pentadbiran.

DAP@60 dan Melangkah ke Hadapan

Tahun ini merupakan ulangtahun ke-60 penubuhan DAP. Sempena ulangtahun ini, parti mengangkat tema “Malaysia untuk Rakyat Malaysia”. Ia membawa maksud komitmen terhadap perjuangan asas untuk membela nasib golongan terpinggir, pekerja, peniaga kecil dan membina masyarakat majmuk dan inklusif.

Pelbagai program telah dijadualkan untuk sambutan 60 tahun ini di bawah sambutan DAP@60. Sambutan ini juga memberi peluang kepada parti untuk mengimbu kembali perjuangan parti yang telah melalui pelbagai liku, onak dan duri. Daripada parti pembangkang, sehingga menjadi parti kerajaan. Daripada parti kecil sehingga menjadi parti arus perdana.

Sama seperti semasa penubuhan DAP pada tahun 1966, DAP masih dipandu oleh objektif yang sama untuk melindungi, memelihara dan menghormati Perlembagaan Persekutuan. DAP tetap komited terhadap hak asasi dalam Perlembagaan Persekutuan kita mengenai

kemakmuran ekonomi, kebebasan demokratik, keadilan sosio-ekonomi, peluang yang saksama, kedaulatan undang-undang, penghormatan terhadap kepelbagaian dan martabat manusia.

Akhir sekali, DAP harus sentiasa kekal relevan dalam arus perdana politik tanah air dan memastikan bahawa ianya terus mendapat sokongan pelbagai kaum di Malaysia.